

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]
TARIKH : SELASA, 31 MAC 2015
RUJUKAN : L10 [PR-1331-L65685]
SOALAN :

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-**

- (a) siapakah kontraktor yang telah dilantik bagi pembinaan projek Pasar Raja Bot Kampung Baru; dan
- (b) berapakah jangka masa yang diambil di dalam pembinaan projek Pasar Raja Bot Kampung Baru tersebut dan adakah projek tersebut berupaya disiapkan di dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Kontraktor Projek Pasar Raja Bot Kampung Baru ialah Tetuan AJ Corp Sdn. Bhd.

Projek Pasar Raja Bot Kampung Baru dibahagikan kepada empat (4) Fasa iaitu Fasa 1 (Arked Buah & Sayur), Fasa 2 (Kompleks Pasar Zon 1), Fasa 3 (Kompleks Pasar Zon 2) dan Fasa 4 (Bangunan Tempat Letak Kereta).

Tempoh siap projek tersebut adalah selama 60 bulan bermula 8 Mac 2014 hingga 7 Mei 2019.

Kemajuan keseluruhan kerja sehingga kini mengikut jadual ialah 5% dan kemajuan sebenar ialah 3%, kelewatan kerja di tapak ialah sebanyak 2%. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengarahkan pihak kontraktor untuk mengemukakan pelan pemulihan (*recovery plan*) bagi mengatasi kelewatan 2% tersebut supaya projek dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31 MAC 2015
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]

SOALAN :-

Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan lanjut yang diambil terhadap cadangan mendirikan perumahan khas untuk belia di beberapa kawasan bandar di pinggiran ibu kota.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan peka mengenai masalah perumahan yang dihadapi oleh belia di Negara ini. Bagi mengurangkan bebanan perumahan kepada golongan ini, Konsep Program Rumah Transit 1Malaysia yang bertujuan memberi kemudahan perumahan untuk pasangan muda yang berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah.

Berikut adalah maklumat mengenai Rumah Transit 1Malaysia:

- Kadar sewa ialah RM250 sebulan.
- Tempoh penyewaan adalah 2 tahun.
- Notis makluman untuk pengosongan rumah akan dikeluarkan kepada penyewa dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tamat kontrak.

Bagi peringkat permulaan, lokasi rumah transit adalah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Jalil, Kuala Lumpur. 2 blok PPR Bukit Jalil (Blok L dan M) yang melibatkan 632 unit dijadikan rumah transit.

Syarat-syarat kelayakan permohonan Rumah Transit 1Malaysia Kuala Lumpur:

- Pemohon dan pasangan adalah warganegara Malaysia;
- Pemohon berumur 30 tahun dan ke bawah;
- Pemohon tidak mempunyai rumah sendiri di Kuala Lumpur;
- Pemohon bekerja di Lembah Klang;
- Pendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah; dan
- Tiada rekod jenayah.

Lain-lain syarat ialah:

- Pemohon tidak boleh menyewakan (*sub let*) rumah transit; dan
- Pemohon tidak boleh menuntut sebarang kos untuk pindah masuk / keluar ke / dari rumah transit tersebut.